

16/01/1999

Kelancaran proses alih kuasa penting

PEKAN, Jumaat - Kelancaran proses peralihan kuasa adalah penting bagi memastikan kesinambungan perjuangan Umno, selain menjamin parti dan negara sentiasa berada di atas landasan yang kuat, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ini juga untuk memastikan tidak timbul keadaan tidak menentu apabila sampai masa yang kritikal, terutama ketika penyerahan kuasa," katanya.

Dalam sejarah negara, Najib berkata, peralihan kuasa yang lancar menjadi satu prinsip yang dihayati selama ini dan tidak timbul sebarang masalah semasa proses itu dilakukan.

"Jadi, kita menyambut baik Perdana Menteri memberi jaminan bahawa apabila tiba masanya beliau (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan memastikan perkara yang sama berlaku," katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 620 fakir miskin dari daerah ini.

Isteri beliau, Datin Rosmah Mansor pula menyampaikan sumbangan Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) berjumlah RM9,000 kepada 27 pelajar miskin dalam bentuk simpanan di Bank Simpanan Nasional.

Semalam, Dr Mahathir berkata, keputusannya melepaskan jawatan Menteri Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan adalah untuk mewujudkan kelancaran peralihan kuasa kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Najib yang juga Menteri Pendidikan meminta ibu bapa tidak mengabaikan pendidikan anak, walaupun ada kalangan rakyat hidup susah.

(END)